

## MITI DAY 2017

### OBJEKTIF KESELURUHAN

Tujuan MITI Day 2017 diadakan adalah untuk **mempromosi peranan serta fungsi MITI dan agensi-agensi di bawah MITI kepada pelanggan serta orang ramai**. MITI Day 2017 juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara MITI serta agensi dengan orang ramai dan memperkenalkan fungsi MITI dan agensi yang meliputi segenap aspek di dalam kehidupan seharian. Antara **peranan MITI serta agensi** adalah :

- i) Merancang, menggubal serta melaksanakan dasar-dasar pembangunan industri, perdagangan antarabangsa serta pelaburan;
- ii) Menggalakkan pelaburan luar dan dalam negara;
- iii) Meningkatkan produktiviti serta kompetensi negara di dalam sektor pembuatan

### IMPAK KESELURUHAN

Antara impak MITI Day 2017 kepada masyarakat adalah :

- i) Pelanggan dan masyarakat akan lebih mengenali fungsi serta peranan MITI dan agensi;
- ii) Mengurangkan jurang di antara agensi kerajaan serta rakyat, selaras dengan pendekatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan kepada rakyat;

## **SENARAI PROGRAM**

Antara pengisian program yang terdapat di dalam MITI Day 2017 adalah seperti berikut :

- i) *MITI & Agencies Showcase;*
- ii) Pameran Kerjaya oleh MIDA;
- iii) *Program CILIK oleh HDC;*
- iv) *Minggu PKS 2017 Peringkat Negeri Perak oleh SME Corp;*
- v) *Bumiputera Capsule oleh Bahagian Keusahawanan MITI;*
- vi) *Dialog bersama YB Menteri MITI mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)*
- vii) *Joint Training and Education Programme for SMEs with Google*
- viii) *Pameran Aeroangkasa*
- ix) *Pameran e-Dagang (e-Commerce)*
- x) *Pameran Automotif & Penjagaan kereta oleh MAI*
- xi) *Program Transformasi Perniagaan Halal*
- xii) *MITI Tea Talks*
- xiii) *Pertandingan Catur BISTARI*

## **PENGANGKUTAN**

- i) Pengunjung yang menggunakan pengangkutan awam boleh menggunakan perkhidmatan *shuttle bus* percuma dari terminal bas Amanjaya dan stesen KTMB Ipoh ke Hotel Casuarina bermula jam 9 pagi hingga 11 pagi. Selepas waktu tersebut pengunjung boleh mendapatkan bas di Medan Kidd/Taj;

# RINGKASAN MAKLUMAT PROGRAM

## **MITI & AGENCIES SHOWCASE**

### Objektif

*MITI & Agencies Showcase* akan menampilkan *booth* pameran oleh setiap agensi di bawah MITI. Pengunjung akan berpeluang melihat **success stories** MITI dan agensi yang dipaparkan di setiap *booth* serta boleh berinteraksi secara terus dengan pegawai yang bertugas di setiap *booth* bagi mendapatkan penerangan yang lebih lanjut berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh setiap agensi.

### Pihak Terlibat

Pameran ini akan melibatkan penglibatan MITI dan setiap agensi di bawah MITI iaitu **MATRADE, MIDA, MIDF, HDC, MPC, MAI, SME CORP, serta SME BANK**.

Di samping menampilkan agensi-agensi di bawah MITI, **Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO)** serta sektor **e-Commerce** juga akan mempunyai *booth* pameran masing-masing untuk dikunjungi orang ramai.

### Sasaran

*MITI & Agencies Showcase* ini terbuka kepada orang ramai yang berkunjung ke MITI Day 2017.

## **MITI DAY JOB FAIR**

### Objektif

Menghubungkan majikan-majikan yang berpotensi dengan individu-individu yang sedang mencari pekerjaan atau mereka yang tergolong di dalam kalangan pelajar universiti tahun akhir yang bakal bergraduat dalam masa terdekat. Program ini akan mengumpulkan bakal-bakal pekerja yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan serta kemahiran dengan majikan yang terdiri daripada syarikat-syarikat serta GLC di dalam pelbagai industri.

Pihak majikan yang terlibat juga berpeluang untuk mengadakan sesi temuduga secara terus di ruangan khas yang disediakan semasa MITI Day 2017 berlangsung.

### Tempat

Foyer Aras 1, Hotel Casuarina

### Sasaran

- i) Jobseekers; dan
- ii) Pelajar universiti tahun akhir yang bakal bergraduat

### Penglibatan

Dianggarkan sekitar **30 syarikat multinasional dan tempatan** dari sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terlibat sebagai *exhibitor* yang terdiri daripada :

- Antara syarikat terkenal yang akan turut bersama MITI adalah Jabil Circuit, Finisar, MMC Electronics, Salutica Allied Solution, Celestica Malaysia, Honda Malaysia, Hovid, Bromma, Samsung SDI Energy, Aerospace Composite Malaysia dan banyak lagi.

- Syarikat-syarikat ini akan menawarkan sejumlah 9,886 jawatan kosong dengan jawatan seperti pengurus, eksekutif, perakaunan, jurutera, penyelia, juruteknik, jurumesin dan operator mesin dan pengeluaran. Daripada jumlah jawatan kosong yang ditawarkan, sebanyak 3,735 jawatan (37.78%) adalah dalam kategori skilled dan 2,141 jawatan (21.66%) semi-skilled. Manakala, sebanyak 4,010 jawatan (40.56%) merupakan low-skilled.

### Impak

- i) Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan MITI dan agensi serta impaknya terhadap masyarakat yang merangkumi penyelesaian kepada masalah pengangguran; dan
- ii) Peluang untuk meluaskan jaringan di antara *jobseekers*, syarikat multinasional dan tempatan membincangkan peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada

## **MITI AUTOSHOW & CAR CARE**

### Objektif

Pengisian program ini di dalam MITI Day 2017 adalah bertujuan untuk mempromosi industri automotif sebagai salah satu sektor yang berada di bawah pemantauan MITI serta agensi.

### Penglibatan

Program ini akan melibatkan :

- i) *Autoshow* – Tujuan pameran ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai visi Malaysia untuk menjadi hub pengeluar serantau bagi kenderaan cekap tenaga

dan sebagai satu platform bagi memperkenalkan kenderaan cekap tenaga dan teknologi-teknologi baharu.

- Terbuka kepada semua pengunjung.
- Syarikat yang akan menyertai pameran – PROTON, PERODUA & PEUGEOT.

ii) *Car Care* – Merupakan satu program pendidikan pengguna yang dianjurkan oleh MAI untuk mendidik pengguna tentang manfaat penjagaan kenderaan dan penyelenggraan kenderaan

- Terbuka kepada semua pengunjung
- Pengunjung akan mendapat perkhidmatan nasihat serta penyelenggaraan kenderaan secara percuma
- Lokasi pemeriksaan kenderaan akan dijalankan di tempat meletak kenderaan Hotel Casuarina.
- Pengunjung akan didedahkan dengan keadaan kenderaan berdasarkan senarai semak yang dikeluarkan oleh jawatankuasa program.
- Selain itu, terdapat juga bengkel-bengkel tempatan yang dijemput khas untuk memberi perkhidmatan servis kereta secara percuma kepada pengunjung

iii) *Safe Car* – SafeCar merupakan satu platform MAI untuk mencapai & menggalakkan pelan strategik NAP 2014 . MAI akan menganjurkan dan menyalaraskan program ini dengan pengeluar kereta nasional, Proton dan Perodua yang akan mempamerkan dan mempromosikan ciri-ciri keselamatan kereta mereka.

- Terbuka kepada semua pengunjung

- Pengunjung akan mendapat melihat dan mempelajari ciri-ciri keselamatan yang ada serta teknologi-teknologi baru yang ada pada kenderaan.
- Lokasi pemeriksaan kenderaan akan dijalankan di tempat meletak kenderaan Hotel Casuarina

### Sasaran

Kumpulan sasaran program ini adalah :

- i) OEM
- ii) Pelajar sekolah/universiti
- iii) Orang ramai

### Tempat

Autohow & Car Care : Persekutuan kawasan parkir Hotel Casuarina

### **MITI TEA TALKS**

#### Objektif

Program berbentuk perbincangan panel ini adalah anjuran bersama dua agensi MITI iaitu MATRADE dan MIDF yang akan menyentuh dua tajuk perbincangan iaitu :

- i) The Route Towards Being a Global Company:  
The Opportunity and Challenge by MIDF;
- ii) "*e-Commerce Marketing: New Export Startegy*" by MATRADE

Tujuan program ini dilaksanakan adalah :

- i) untuk mendedahkan potensi perkembangan perniagaan usahawan tempatan di rantau ASEAN;
- ii) peluang eksport untuk perniagaan e-Commerce di pasaran ASEAN;

- iii) menerangkan peranan MITI dan agensi di dalam pemerkasaan perniagaan usahawan tempatan di rantau ASEAN dan global; serta
- iv) memberi pendedahan kepada orang ramai tentang faedah globalisasi kepada Malaysia

### Impak

Program ini akan memberi faedah terutamanya di dalam :

- i) mendedahkan kepada orang ramai akan peranan MITI dan agensi di dalam memanfaatkan kepentingan Malaysia di dalam ASEAN;
- ii) memberi pemahaman tentang kepentingan globalisasi kepada orang ramai;
- iii) mendedahkan peluang-peluang yang ada kepada usahawan tempatan melalui inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan melalui MITI dan agensi

### Tempat & Waktu

Dewan Utama AJCC 1, Hotel Casuarina/ 3.30 ptg - 5.30 petang

### Sasaran

Kumpulan sasaran program ini adalah :

- i) Ahli perniagaan/PKS
- ii) Pelajar sekolah/universiti
- iii) Orang ramai yang berkunjung ke MITI Day 2017

## **PAMERAN AEROANGKASA**

- Anjuran Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) untuk mempamerkan perkembangan industri aeroangkasa Malaysia.
- Pameran ini adalah disasarkan kepada orang awam termasuklah graduan institusi pengajian tinggi dan pelajar-pelajar sekolah. 12 syarikat dan organisasi menyertai pameran mini aeroangkasa ini, seperti contoh:
  - i) Composite Technology Research Malaysia (CTRM);
  - ii) Global Turbine Asia (GTA), Celestica Kulim;
  - iii) Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC);
  - iv) ADTEC Taiping, Advanced Aeronautics Training Centre; dan
  - v) Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Sains Malaysia (USM).
- Antara tarikan utama pameran mini aeroangkasa adalah Virtual Reality System yang dibangunkan oleh AMIC bagi tujuan latihan dan penyelidikan berkaitan sektor pembuatan aeroangkasa, penerangan berkaitan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada industri aeroangkasa global dan pameran peluang-peluang pengajian berkaitan aeroangkasa.

## **JOINT TRAINING & EDU. PROG FOR SMEs WITH GOOGLE**

- Program ini merupakan usahasama MITI dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC) yang akan membawa syarikat Google, Maxis, Mastercard dan sebagainya untuk melatih usahawan mengenai cara menjalankan perniagaan secara atas talian termasuk e-payment dan sebagainya.

- Sebanyak 150-200 SME di wilayah utara berpeluang menyertai sesi latihan ini.

### **PROGRAM TRANSFORMASI PERNIAGAAN HALAL OLEH HDC**

- Program Mudahcara Pensijilan Halal – Pembentangan bertajuk: “Persediaan industri ke arah Pensijilan Halal”
- “MAKE YOUR MARK” – Sesi interaktif bersama TESCO - Product Pitching

### **MINGGU PKS 2017 PERINGKAT NEGERI PERAK**

Minggu PKS 2017 Peringkat Negeri Perak anjuran bersama UPEN Perak dan SME Corp; 50 usahawan dipilih berdasarkan kriteria di bawah:

- Usahawan yang telah menerima bantuan dari MITI dan agensi
- Kategori usahawan adalah sekurang-kurangnya PKS dengan penilaian rating MCORE SME Corp Malaysia Tahap 3 dan mempunyai produk dan perkhidmatan yang minimum, mempunyai pensijilan halal dan MeSTI dan pembungkusan yang memenuhi syarat memasuki pasaraya besar (hypermarket) ; dan
- Syarikat beroperasi di Perak (kecuali 3 syarikat masing-masing dari Penang, Kedah, dan Perlis)

### **DIALOG BERSAMA YB MENTERI MITI MENGENAI ASEAN**

Dialog Bersama YB Menteri MITI Mengenai Faedah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community – AEC) Kepada Rakyat

- Program ini diadakan sempena dengan sambutan 50 tahun penubuhan ASEAN. Ia adalah satu program berkonsep santai di mana para pelajar, orang muda dan pelbagai peringkat lapisan masyarakat

boleh berdialog secara terus dengan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN dan bagaimana ia memberi impak kepada rakyat.

## **PROGRAM-PROGRAM SAMPINGAN**

Terdapat beberapa program dan tarikan sampingan sempena MITI Day 2017, antaranya :

- i) *Food Truck –*
  - Dianggarkan sebanyak 25 food truck terlibat sepanjang MITI Day 2017 berlangsung;
  - Ditempatkan di Bulatan Amanjaya
- ii) Cabutan bertuah yang menawarkan hadiah-hadiah menarik seperti –
  - pakej penerbangan, penginapan dan tiket Autoshow Bangkok 2018 untuk dua orang, pakej percutian sempena Tahun Melawat Perak, barang elektrik dan 9 buah basikal
- iii) Penampilan istimewa selebriti –
  - Naz (hos 'Jalan-Jalan Cari Makan')
  - Awie Wings, Najwa Latiff, Marsha AF, Dafi AF dan Faizal FBI
- iv) Pameran e-Dagang (*e-Commerce*)